

CNS6840

U GB 25-05 00168 BA196

bah

Mahathir - Mustapha (Bergambar)

KERAJAAN AKAN KAJI KEMUNGKINAN PINDA PERLEMBAGAAN

KUALA LUMPUR, 25 Mei (Bernama) -- Kerajaan akan mengkaji kemungkinan meminda Perlembagaan Persekutuan bagi membolehkan Tun Datu Mustapha Harun yang telah dilantik menjadi Menteri Hal Ehwal Sabah, mengekalkan kerusi Dewan Undangan Negeri itu kawasan Usukan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata ini adalah antara beberapa langkah yang sedang diberi pertimbangan oleh kerajaan untuk memastikan Mustapha tidak perlu mengosongkan kerusi Usukan.

Perkara itu telah dibincangkan dengan Timbalan Perdana Menteri Encik Ghafar Baba, yang juga Pengurus Badan Perhubungan UMNO Sabah, katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang dekat sini sekembalinya daripada menghadiri Forum Pemimpin Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik (PBEC) di Seoul, Korea Selatan.

Dr Mahathir bagaimanapun enggan menyatakan tindakan-tindakan lain yang akan diambil oleh kerajaan untuk memastikan tidak perlu diadakan pilihan raya kecil di Usukan.

Bagaimanapun beliau berkata, jika keadaan mendesak pilihan raya kecil kawasan itu akan diadakan. -- Lagi.

▼25/05/17-03MST

CNS6918

R GB 25-05 00124 BA210

bah

Mahathir - Mustapha 2 Kuala Lumpur

"Kalau (kerusi itu) perlu dikosongkan, kita kosongkan...kalau tak perlu, kita tidak akan kosongkan," kata Perdana Menteri.

Perkara 43 (8) dalam Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa seseorang anggota dewan negeri yang dilantik sebagai menteri hendaklah berhenti daripada menjadi anggota dewan sebelum menjalankan tugasnya.

Mustapha, yang juga anggota Parlimen kawasan Limbawang dan Timbalan ketua Perhubungan UMNO Sabah, dilaporkan berkata beliau bersedia mengosongkan kerusi Usukan.

Dua tahun lepas, tokoh politik veteran itu terpaksa mengosongkan kerusi Usukan apabila meninggalkan Usno, yang diasaskannya pada 1961, untuk menyertai UMNO.

Dr Mahathir berkata, Mustapha tidak perlu mengosongkan kerusi Usukan buat masa sekarang kerana beliau belum lagi mengangkat sumpah bagi jawatan menteri. -- Lagi.

▼25/05/17-54MST

CNS6926

U GB 25-05 00139 BA211

bah

Mahathir - Mustapha 3 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata tarikh mengangkat sumpah bagi Mustapha belum ditentukan. "Kita sedang mengkaji undang-undang," katanya.

Ketika ditanya mengenai perkembangan terbaru di Kemboja di mana 60 peratus daripada 4.7 juta pengundi telah keluar mengundi pada hari kedua pilihan raya umum di bawah pengendalian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), beliau berkata: "Saya ucapkan tahniah kerana nampaknya rakyat Kemboja betul-betul berminat dengan cara demokrasi."

"Mereka ingin menentukan pemerintahan melalui proses pemilihan dan saya ucap tahniah kerana keberanian mereka melaksanakan tugas mereka sebagai rakyat sebuah negara demokrasi walaupun diugut oleh pihak Khmer Rouge," kata beliau lagi.

Mengenai lawatan dua hari beliau ke Korea Selatan, Perdana Menteri berkata beliau telah mengambil kesempatan pada forum anjuran PBEC untuk menjelaskan konsep Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC). -- Lagi.

▼25/05/17-59MST

CNS6955

R GB 25-05 00125 BH951

bah

Mahathir - Mustapha 4 (akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir ialah antara tiga orang pemimpin yang berucap di forum itu yang berlangsung di Pusat Budaya Seoul. Pemimpin lain ialah Presiden Korea Selatan Kim Young-sam dan Presiden Filipina Fidel Ramos.

Beliau juga mengadakan perbincangan mengenai perhubungan dua hala Kim.

"Kami juga membincangkan mengenai masalah antarabangsa...ada banyak perbezaan mengenai dasar luar Presiden Kim dan (bekas) Presiden Roh," katanya.

Dengan Ramos, Perdana Menteri membincangkan pelbagai isu, termasuk perkara-perkara yang dibincangkan sewaktu lawatan Presiden Filipina itu ke Malaysia Januari lepas.

Ditanya mengenai penjelasannya terhadap konsep EAEC di forum itu, Dr Mahathir berkata: "Nampaknya semua orang (peserta) mengalu-alukan and memuji ucapan itu." -- Bernama

ES AHH MIB